

'SAYA AKAN TANYA SHAHIDAN'

PM tidak tahu adanya komplot

UM - 1 APR 1989

Dari
Razak Rashid Ghows

LONDON 31 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak tahu menahu tentang sebarang komplot oleh mana-mana pihak untuk menjatuhkan beliau dan Encik Ghafar Baba sebagaimana yang didakwa oleh seorang ahli Parlimen baru-baru ini.

Perdana Menteri yang akan bertugas semula sehari selepas pulang ke tanahair menyatakan beliau akan bertanya perkara ini kepada ahli Parlimen berkenaan Encik Shahidan Kassim.

"Saya tidak tahu apa-apa perkara ini. Saya terputus soal yang berlaku, bila saya balik saya akan tanya," kata beliau.

Bercakap kepada para pemberita dalam lawatannya ke wakil penjual Proton Brian Sheridan Cars Limited di Hounslow di sini hari ini beliau juga enggan menyatakan sama ada satu rombakan kabinet akan diadakan selepas beliau pulang, berikutan kematian Datuk Chan Siang Sun dan pemecatan

Encik M.G Pandithan dari MIC.

Bila didesak beliau hanya berkata: "Saya balik nanti saya tahulah."

Perdana Menteri yang berada di Britain untuk lawatan tidak rasmi sambil berehat juga memberitahu beliau akan memulakan tugas sehari selepas beliau sampai ke tanahair. Beliau akan berlepas pulang Ahad ini.

Mengenai jualan Proton di United Kingdom, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata jika Malaysia terus mengeluarkan kereta yang baik dan menjualnya dengan harga yang berpatutan ia sudah tentu mempunyai potensi yang baik di sini.

"Saya nampak jualan kereta itu adalah dua kali lebih dari apa yang mereka jangkakan.

"Pihak Proton Cars UK pada mulanya berharap mereka dapat menjual 25 unit satu hari tetapi sekarang mereka sudahpun dapat menjual 59 unit dalam sehari. Ini satu petanda baik," kata Perdana Menteri.

Setakat ini Proton Cars UK telah menjual kira-kira 800 unit kereta nasional itu di seluruh United Kingdom.

Mengenai perbincangan Perdana Menteri dengan rakan sejawatnya Puan Margaret Thatcher baru-baru ini, beliau berkata soal-soal yang disen-

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM tidak tahu adanya komplot

termasuk perkara hubungan dua hala, isu-isu politik antarabangsa meliputi soal Afrika Selatan, Komanwel, mesyuarat Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel di Kuala Lumpur dan isu Kam-puchea.

Perdana Menteri juga mengesahkan bahawa soal kemasukan semula Pakistan ke dalam Komanwel turut disentuh dalam perbincangannya dengan Puan Thatcher.

Dalam perbinca-

ngannya dengan Perdana Menteri Sepanyol pula mereka telah menyentuh masalah dunia dan ekonomi. Perdana Menteri berkata beliau mungkin akan membuat lawatan rasmi ke Sepanyol dan menjemput Perdana Menteri Malaysia.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata adalah wajar Malaysia sekarang meningkatkan hubungannya dengan Maghribi kerana negara itu sudahpun melantik dutanya

di Kuala Lumpur sedangkan Malaysia hanya mempunyai Kua-sausaha di Rabat,

Perdana Menteri juga menyatakan kemungkinan untuk peningkatan hubungan perdagangan dengan Maghribi kerana buat masa ini Malaysia telah dapat menjual lebih banyak barangan-nya ke negara itu." Kalau kita kaji kita boleh membeli lebih banyak barang keraria pada masa ini kita hanya membeli phospate," katanya.